

1 Bahasa, 1 Malaysia serlah jati diri

Penggunaan untuk semua urusan tanpa mengira kaum, agama: Muhyiddin

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Jati diri rakyat Malaysia akan dapat diserlahkan melalui penggunaan dan penghayatan bahasa Melayu atas semangat 1Bahasa, 1Malaysia oleh semua rakyat tanpa mengira kaum dan agama untuk semua urusan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan untuk kaum Melayu saja tetapi juga untuk kaum Cina, India, Iban, Kadazan dan kaum lain di negara ini.

“Bahasa kebangsaan adalah jiwa negara bangsa yang ingin kita bangunkan. Justeru, mari kita sama-sama menghayati semangat 1Bahasa, 1Malaysia,” katanya berucap merasmikan Seminar Bahasa Kebangsaan dan Masyarakat Cina di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), semalam.

Pada majlis itu beliau turut melancarkan Festival Bahasa dan Sastera 2009 dan Tabung Semarak Perpaduan.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Tim-

balan Menteri Pelajaran, Datuk Dr Wee Kah Siong; Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Datuk Johan Jaafar dan Ketua Pengarah DBP, Datuk Termuzi Abdul Aziz.

Muhyiddin mahu rakyat terus memelihara bahasa kebangsaan dengan mengekalkan keaslian, keindahan dan kewibawaannya termasuk menggunakannya dengan betul dalam semua urusan terutama urusan rasmi.

“Ini kerana di negara ini bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan yang berperanan sebagai bahasa rasmi, bahasa pentadbiran, bahasa pembangunan dan bahasa perpaduan.

“Pada tahun ini, kita akan menyambut Hari Kebangsaan ke-52. Adakah kita boleh berbangga dengan kejayaan kita memartabat dan menyebarkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam pembangunan negara selama ini,” tanyanya.

Timbalan Perdana Menteri juga berharap lebih banyak karya mengenai sejarah kemerdekaan negara yang memaparkan semangat kerjasama dan persefahaman antara pemimpin terdahulu seperti Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock, Tun V T Sambanthan



MUHYIDDIN memukul gong pada majlis perasmian Seminar Bahasa Kebangsaan dan Masyarakat Cina di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan (dari kiri), Johan, Wee, Dr Koh dan Termuzi.

dan lain-lain diterbitkan untuk tatapan masyarakat umum.

Katanya, dengan adanya karya sedemikian, sama ada dalam bentuk buku atau audio visual, generasi muda akan lebih menghargai sejarah pembinaan negara bang-

sa yang berasaskan persefahaman antara kaum utama di negara ini.

“Dengan memahami sejarah, kita akan lebih menghargai peranan semua kaum dalam membina sebuah negara yang aman, maju dan makmur,” katanya.

Muhyiddin turut mengarahkan DBP memperkasakan Bulan Bahasa Kebangsaan sama ada dari sudut pembabitian atau kegiatannya kerana program itu perlu dijadikan satu acara negara yang dapat dirasai masyarakat.